

**Yayasan Kebajikan Negara Malaysia**  
mempelawa calon-calon yang berkelayakan bagi memohon  
kekosongan jawatan kontrak sebagai Jurutera seperti perincian berikut :

---

- Jawatan** : Jurutera
- Kumpulan** : Pengurusan & Profesional
- Gred /(Jadual Gaji)** : Gred 48 ( Gaji bermula dari RM 5,118.00 bergantung kepada pengalaman yang dimiliki)
- Taraf** : Kontrak (2 Tahun)
- Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- i) Warganegara Malaysia
  - ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
  - iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
dan  
lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  - iv) Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia
  - v) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang kejuruteraan termasuk pengalaman :
    - Menyedia, menyelaras dan memantau sesuatu projek dari konsep awal hingga selesai mengikut jadual pelaksanaan
    - Menyediakan anggaran belanjawan projek dan jadual pelaksanaan pembangunan projek
    - Menyemak dan menyelaras penyediaan laporan kemajuan fizikal dan kewangan.
    - Memantau dan mengemaskini laporan kemajuan projek.
    - Menghadiri mesyuarat tapak bagi memastikan perjalanan pelaksanaan dan kemajuan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan.
    - Menyediakan laporan kemajuan dan mengenalpasti masalah terkini untuk rujukan Ketua Jabatan.
  - vi) Kebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik termasuk boleh menyediakan laporan, minit mesyuarat dan surat menyurat dalam Bahasa Inggeris.
  - Vii) Boleh bekerja dengan pro-aktif dan '*result oriented*' dengan pengawasan yang minimum.
  - viii) Mempunyai peribadi yang baik, boleh berkomunikasi dengan berkesan, semangat kerja berpasukan yang tinggi dan mempunyai keupayaan membimbing dan kebolehan memimpin organisasi.
- Imbuhan/Elaun** : Senarai imbuhan/elaun tetap bulanan yang sedang berkuatkuasa.
- i) Khidmat Keraian – RM400.00
  - ii) Perumahan – RM 550.00
  - iii) Sara Hidup – RM 300.00

**Cara Memohon**

: Calon-calon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menghantar :

- i) Maklumat peribadi/resume yang mengandungi MAKLUMAT BERIKUT SAHAJA Nama Penuh; No KP; Alamat; No Telefon; Kelulusan Akademik; Pengalaman Kerja; Nama & Alamat Majikan (bagi yang sedang berkerja); Nama & No. Telefon Ahli Keluarga/Kenalan Terdekat Bagi Tujuan Rujukan.
- ii) Sekeping GAMBAR WARNA berukuran passport.
- iii) Salinan SIJIL SPM dan IJAZAH SAHAJA Sijil lain tidak diperlukan bagi tujuan permohonan.
- iv) Permohonan hendaklah ditujukan kepada :

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia,  
Aras 8, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat,  
No.55, Persiaran Perdana, Persint 4,  
62100 Putrajaya.**

- v) Permohonan boleh dikemukakan melalui email ke alamat berikut **sumbermanusia@ykn.gov.my**

**Tarikh tutup permohonan : 01 Mac 2020**